

MEMORANDUM
RO: 08/2020

| | |
|----------|--|
| Kepada | : Pelajar dan Kakitangan DRB-HICOM University of Automotive Malaysia |
| Daripada | : Pejabat Pendaftar |
| Tarikh | : 13 Julai 2020 |
| Perkara | : KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS (FASA 2) |

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

Pengurusan Universiti telah membuat ketetapan berhubung Kemasukan Semula Pelajar IPT sepertimana yang telah diumumkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi pada 8 Julai 2020. Ketetapan ini mengambilkira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan oleh Kerajaan, keperluan pembelajaran pelajar serta keselamatan & kesihatan warga DRB-HICOM University.

Berikut adalah ketetapan yang telah dirancang:

1. Pembelajaran dan Pengajaran (P&P); secara amnya; akan diteruskan secara mod dalam talian (*online*) bagi:
 - i. Program Asasi Pengambilan April 2020 (12 Mei 2020 – 16 Ogos 2020);
 - ii. Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Ijazah; Semester 1 Sesi 2020/2021 (15 Jun 2020 sehingga 18 September 2020).
2. Bagi mengikuti P&P secara dalam talian dengan baik, semua pelajar disaran menggunakan kemudahan wifi Universiti di University Village (UV) dan kampus; serta kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di Pusat Sumber dan Makmal Komputer. Bagi pelajar yang memilih untuk **pulang ke UV**, anda boleh berbuat demikian **bermula 2 Ogos 2020**.
3. Namun demikian, terdapat beberapa kursus (matapelajaran) yang ditawarkan, mempunyai latihan amali/makmal yang perlu dijalankan secara bersemuka (*face-to-face*, F2F). **Pelajar perlu merujuk kepada Pensyarah** kursus bagi mendapat maklumat terperinci **mengenai latihan amali/makmal** yang hanya akan bermula pada **minggu ke-8**. Pelajar dibenarkan membuat pilihan untuk pulang ke UV atau berulang alik dari kediaman sendiri bagi mengikuti latihan amali/makmal secara F2F ini.

4. Pelajar-pelajar boleh berhubung dengan Jabatan-jabatan berkenaan untuk mendapatkan kebenaran dan membuat tempahan bagi memastikan SOP dapat dipatuhi.

| Jabatan | Nama Pegawai | No. Tel. |
|--|---|--|
| University Village (UV) <i>Urusan pendaftaran asrama.</i> | Cik Sh. Khyailahasma Syed Ahmad En. Mohd Nur Irsyaduddin Ismail En. Muhd Zakuan Ab Rahman | 09424 2686 09424 2687 09424 2687 |
| RC (Resource Centre) <i>Urusan penggunaan kemudahan Pusat Sumber.</i> | En. Mohd Khairi Abdul Manaf | 09424 2670 |
| AMC (Academic Management Centre) <i>Urusan penggunaan kemudahan Makmal Komputer.</i> | Pn. Safariza Yahya Cik Hadijah Mohd Noh | 09424 2421 09424 2490 |

5. Universiti akan mematuhi saranan Kementerian Pengajian Tinggi bagi pembukaan sepenuhnya pada Oktober 2020. Jadual pembukaan ini akan dimaklumkan oleh Universiti sekurang-kurangnya sebulan lebih awal. Namun begitu ianya bergantung kepada pengumuman Kerajaan dari masa ke semasa.
6. Jika pelajar masih mempunyai kemosyikilan berkaitan perkara ini, sila berhubung dengan pegawai-pegawai berikut untuk makluman lanjut:

| Jabatan | Nama Pegawai | No. Tel. |
|--|--|--|
| AMC (Academic Management Centre) <i>Menguruskan hal ehwal pendaftaran kursus, jadual kelas dan pengaturan P&P (dalam talian (online)/F2F).</i> | Pn. Safariza Yahya Cik Hadijah Mohd Noh Pn. Hafizah Mohamed Said Cik Nurul Farah Diyana | 09424 2421 09424 2490 09424 2738 09424 2739 |
| UV Principal <i>Menguruskan hal ehwal penginap UV.</i> | En. Mohamad Hizam Hashim | 09424 2566 |
| SAC (Student Affairs Centre) <i>Menguruskan hal ehwal pelajar.</i> | En. Ahmad Faris Mohamed Shukri En. Ataullah Anas | 09424 2723 09424 2619 |
| RO (Registrar's Office) <i>Menguruskan hal ehwal kemasukan, pendaftaran dan rekod pelajar.</i> | Pn Masita Khalijah Johari En. Mohd Haikal Imran | 09424 2531 09424 2644 |

Sekian terima kasih.